

12 MAY 1997

RAKYAT PENGOTOR JADIKAN BUDAYA DAN ALAM SEKITAR KOTOR

Rencana Bernama

Oleh: FAIROS NAZRI

KUALA LUMPUR: Gaya hidup purata seseorang rakyat Malaysia bukan menjadi penentu, sama ada budaya kotor yang menjadikan rakyat kotor, atau, rakyat kotor yang menjadikan budaya kotor.

Meludah sesuka hati, bersin di hadapan muka orang lain, membuang sampah ke dalam longkang atau saluran air -- semua ini tidak mencerminkan budaya yang tinggi, atau, masyarakat berbudaya.

Pelancong mengenali kita sebagai "Malaysia Indah", pelabur asing pula memandang kita sebagai "Malaysia Negara Perindustrian" manakala negara-negara Dunia Ketiga menganggap negara ini sebagai "Malaysia Progresif."

Tetapi hakikatnya, di sebalik kecemerlangan yang diwar-warkan, wujud satu lagi wajah yang tidak kita tonjolkan kepada dunia luar: "Malaysia yang kotor."

Bertan-tan sampah yang berbau busuk, parit dan sungai dipenuhi sampah sarap, jalan-jalanraya yang ditaburi sampah serta tempat makan dan kedai kopi yang kotor - semua ini membuat kita berfikir, ke manakah menghilangnya tabiat bersih dan akal budi kita?

Rakyat Malaysia juga mencemarkan udara yang kita hirup melalui asap yang keluar daripada kenderaan selain mencemarkan air yang kita minum melalui pembuangan sisa toksik ke dalam saluran air.

Bukti tabiat buruk rakyat Malaysia boleh ditemui di mana-mana. Sampah sarap dibuang sesuka hati di kawasan penempatan setinggan, kawasan perumahan dan lorong belakang bangunan yang dibina.

Malahan, papan tanda "Jangan Membuang Sampah -- Denda RM500" tidak dihormati kerana sampah kelihatan dikumpul di sekitar papan tanda itu seolah-olah sengaja dibuat untuk melanggar peraturan.

Gerai-gerai makanan beroperasi berhampiran parit-parit yang berbau atau tempat pembuangan sampah yang melempah-lempah.

Namun, apa yang menghairankan, pelanggan gerai-gerai itu seolah-olah lebih menikmati juadah yang dihidangkan - berkongsi cendol, rojak, koay teow atau yong tau foo dengan lalat yang menghurung kawasan itu.

Kesan budaya kotor menunjukkan perangkaan membimbangkan. Sepanjang tempoh dua tahun yang lalu, jumlah kes keracunan makanan meningkat sebanyak 35 peratus kepada 2,500 di negara ini.

Dalam hubungan ini, hospital juga tidak terkecuali. Pada Mac lalu, 35 orang kakitangan Hospital Tengku Ampuan Rahimah di Klang, termasuk tiga orang doktor dirawat kerana keracunan makanan.

Pelbagai operasi pembersihan yang dijalankan nampaknya tidak mendatangkan kesan. Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun lalu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memungut denda berjumlah lebih RM6 juta kerana membuang sampah - jumlah yang sama dipungut bagi tempoh sepanjang tahun 1995.

Tetapi, jumlah yang digunakan untuk menjaga kebersihan di bandaraya itu adalah lebih 17 kali ganda - melebihi RM104 juta - tahun lalu akibat sikap 36,500 peniaga/penjaja dan orang ramai yang tidak tahu erti kebersihan, yang mengotori sekitar bandaraya setiap hari.

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) juga gagal dalam operasinya mengeluarkan 20,000 tan sampah dan sisa pepejal (sama dengan 13,334 muatan lori) dari Sungai Klang setiap tahun.

Bilakah agaknya Jabatan itu boleh menghentikan operasi dan menyatakan bahawa tugas mereka sudah selesai?

Dan menurut laporan Kementerian Pertanian, kualiti air sungai di Malaysia menunjukkan penurunan daripada 1987 hingga 1995.

Peratusan sungai yang tercemar meningkat daripada tiga peratus kepada 12 peratus akibat perbuatan membuang sampah dari rumah kediaman, sisa ladang ternakan dan industri serta pemendapan sungai akibat hakisan tanah berpunca daripada pembangunan tanah yang tidak terkawal.

Kira-kira 2,250 sumber industri dikenalpasti mengeluarkan sisa berbahaya dan perangkaan Jabatan Alam Sekitar (JAS) baru-baru ini menunjukkan bahawa kira-kira 630 tan sisa seumpama itu dikeluarkan setiap tahun. Malaysia mengeluarkan kira-kira 300,000 tan sisa industri setiap tahun, kebanyakannya toksik.

Mengenai pencemaran udara, punca utama adalah pengeluaran asap kenderaan - yang menyebabkan kira-kira 50 peratus pencemaran udara di negara ini - diikuti industri dan pembakaran sampah secara terbuka, sama ada sampah atau pokok semasa kerja-kerja membersihkan tanah.

Ketika pengenalan minyak petrol yang tidak berplumbum mendapat sambutan ramai (yang meracuni sistem saraf manusia berpunca daripada asap yang dikeluarkan kenderaan yang menggunakannya), gas-gas lain yang berbahaya seperti karbon dioksida dan karbon monoksida serta sulfur oksida dan nitrogen masih wujud di udara.

Malangnya, asap daripada ketiga-tiga sumber ini tidak hilang begitu sahaja.

Ia kembali menghantui kita, sama ada dalam bentuk hujan asid yang semakin meningkat sejak pengawasan dimulakan pada pertengahan tahun 80-an atau jerubu, yang menyelubungi sebahagian kawasan di negara ini pada jangka waktu tertentu, pertama kali pada 1982 dan sekali lagi pada tahun 90-an.

Sikap tidak peduli ini nampaknya berlarutan ketika negara sudah membangun dan mengalami perubahan. Ini bermakna, budaya atau sikap rakyat Malaysia tidak berubah ke arah yang lebih baik sungguhpun kadar celik huruf melebihi 80 peratus, yang mencerminkan penduduk yang terpelajar.

Kesedaran sivik, kebersihan diri, sikap mementingkan kebersihan dan keinginan memelihara persekitaran yang sihat, jelas berada di tahap yang amat rendah.

Timbalan Ketua Pengarah JPS (I), Keizrul Abdullah berkata, sikap "tidak peduli" orang ramai terhadap kebersihan dan keadaan semulajadi barang-barang plastik yang tidak boleh hancur boleh mengakibatkan kebanyakan saluran air di negara ini tersumbat.

Jabatan itu bersama-sama majlis-majlis tempatan sudahpun memulakan "Program Tong Sampah Bergerak" di mana, tong-tong sampah yang boleh dialih, diletakkan di kawasan-kawasan setinggan bagi memudahkan penduduk kawasan itu membuang sampah.

"Ini adalah sebahagian kempen 10 tahun membersihkan Sungai Klang yang dilancarkan jabatan itu, termasuk mencantikkan tebing sungai dan mengeluarkan enapan di beberapa bahagian sungai itu," ujarnya.

Menurut JAS pula, aduan tentang pencemaran yang diterima jabatan itu meningkat dengan ketara kepada 2,758 kes pada 1995, pertambahan 40 peratus berbanding jumlah aduan yang diterima pada 1994.

Seperti tahun-tahun sebelum ini, aduan tentang pencemaran udara mengatasi aduan-aduan lain dengan jumlah tertinggi berpunca daripada industri berasaskan kayu, diikuti sumber-sumber bukan industri.

Timbalan Ketua Pengarah JAS, Rosnani Ibrahim berkata, sungai merupakan sektor pencemaran paling teruk terjejas di negara ini. Pada 1995, JAS mengeluarkan 2,149 kompaun kerana pelbagai kesalahan membabitkan pencemaran - peningkatan 78 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Katanya, dalam usaha terbaru bagi mengawal pengeluaran asap daripada kenderaan yang menggunakan kuasa disel di pusat-pusat bandar di mana tahap pencemaran kian meningkat, satu program penguatkuasa yang diberi nama kod

"AWASI" dilancarkan di Kuala Lumpur untuk memberi tumpuan kepada kenderaan yang mencatatkan perbatuan tinggi.

"Di bawah program ini, kenderaan yang mengeluarkan asap berlebihan disaman dan perintah tahanan dikeluarkan serta dilarang daripada meneruskan operasi sehingga kenderaan itu diperbaiki dan masalah yang dihadapi, diperbetulkan dengan bantuan teknikal bengkel-bengkel terpilih," jelas Rohani.

Dr Nasir Hassan, seorang pensyarah di Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia berkata, rakyat Malaysia hendaklah mencontohi rakyat Jepun dalam menyemai sikap bersih dalam kehidupan seharian mereka.

"Rakyat Jepun mengambil masa 15 tahun melalui revolusi budaya untuk mengubah diri mereka menjadi masyarakat bersih seperti hari ini. Bagi mereka, membuang sampah merata-rata adalah satu dosa," tambahnya.

"Usaha bersepadu daripada peringkat pra-sekolah, jabatan dan agensi kerajaan serta masyarakat keseluruhannya serta garis panduan dan dasar jelas disokong penguatkuasaan tegas, membantu mengekalkan kebersihan Jepun."

"Kita boleh mengamalkan revolusi budaya Jepun, tetapi hasilnya perlu dikaji semula setiap lima tahun. Jepun bukan sahaja bersih tetapi juga mempunyai peralatan yang cukup, tidak ada tempat longgokan sampah, sungainya bersih, pusat kitar semula dan pembakaran juga disediakan hingga ke sekolah-sekolah rendah."

Dr Nasir, pakar dalam pengajian sampah sarap berpendapat, kurikulum sekolah di Malaysia perlu disusun semula dengan memberi penekanan kepada usaha menyemai rasa kasih terhadap kebersihan dan memelihara alam sekitar di kalangan murid sekolah.

R. Senthiraja, Presiden Persatuan Perlindungan Alam Sekitar Malaysia dan Profesor Mohammad Hamdan Adnan, Presiden Gabungan Persekutuan Persatuan Pengguna-pengguna Malaysia (FOMCA), juga percaya, dalam soal kebersihan, adalah lebih baik mendidik mereka sejak kecil.

Tidak ada orang yang lebih prihatin daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri, tentang budaya pengotor rakyat Malaysia. Beliau telah bercakap mengenainya banyak kali.

Pada satu ketika beliau berkata mungkin rakyat biasa tidak punya kelas, suka menyidai seluar dalam mereka hingga mudah dilihat orang.

"Malaysia adalah negara golongan pendapatan sederhana dan status kita lebih baik sekarang, tetapi cara hidup kita masih tidak berubah dari cara sebuah negara mundur dan miskin," kata beliau hujung minggu lalu.

Beliau pernah menyebut pepatah Arab yang berbunyi untuk memperkuat pandangannya, iaitu jika setiap orang menentukan jalan di depan rumahnya sentiasa bersih, maka seluruh jalan, kampung, pekan dan bandaraya serta negara akan bersih!. -- Bernama

FN